

Keberkesanan Penerapan IMan+N Dan IHCR Dalam Mengembangkan Respons Pelajar Dalam Interaksi Lisan

Sri Nabilah Basri

sri_nabilah_basri@schools.gov.sg

Janisah Zainal

janisah_zainal@schools.gov.sg

Sekolah Menengah Hougang

Abstrak

Kurikulum Bahasa Ibunda memberi penekanan kepada kemahiran berkomunikasi dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Bahasa Melayu. Kemahiran interaksi lisan yang diuji dalam peperiksaan mempunyai peratusan yang tinggi dalam peperiksaan nasional. Justeru, strategi seperti IMan+N (Individu, Masyarakat, Negara + Nilai) dan IHCR (Isi, Huraian, Contoh, Rangkaian) didedahkan kepada pelajar sepanjang proses PdP untuk membolehkan pelajar menjalani proses dekonstruksi dan rekonstruksi yang berkesan. Sekali gus diharapkan dapat membantu pelajar membina respons yang lebih berkualiti – jelas, fokus dan yakin. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penerapan IMan+N dan IHCR mempunyai potensi untuk mengembangkan respons pelajar dalam perbualan lisan mereka.

Kata Kunci: IMAN+N, IHCR, perbualan lisan, Rutin Berfikir



PENGENALAN

Kurikulum Bahasa Ibunda bertujuan untuk membimbing pelajar menjadi pengguna bahasa yang cekap dan dapat bertutur dengan yakin, efektif dan bermakna dalam situasi kehidupan yang sebenar. Maka itu, Jawantankuasa Semakan Bahasa Ibunda Peringkat Menengah 2021 memberi penekanan untuk membina pelajar yang aktif dan cekap menggunakan bahasa melalui pembelajaran yang menyeronokkan. Oleh yang demikian, pengajaran Bahasa Melayu perlu menekankan pentingnya kecekapan komunikatif.

Umumnya, pelajar harus boleh menyampaikan pendapat mereka kepada orang lain secara perseorangan atau dalam kumpulan di hadapan kelas atau di khalayak umum. Namun demikian, prestasi pelajar dalam ujian lisan sejak beberapa tahun ini jelas menunjukkan bahawa pelajar secara amnya lemah dalam kemahiran lisan. Ini terbukti daripada prestasi pelajar dalam peperiksaan lisan di sekolah dan juga dalam peperiksaan di peringkat nasional. Pelajar didapati mempunyai kesukaran untuk menerangkan dan menyatakan pandangan mereka apalagi mengaitkannya dengan domain atau ranah yang berbeza-beza seperti individu, masyarakat dan negara.

Satu konsep untuk menggalakkan pelajar berfikir dalam pembelajaran lisan telah dibina. Konsep ini diharapkan dapat membantu pelajar memberikan respons terhadap soalan beraras tinggi yang biasanya ditanyakan dalam ujian lisan. Diharapkan dengan penerapan konsep IMaN+N yang diperkenalkan dan diajarkan secara eksplisit dalam kelas, pelajar dapat menjana idea tentang topik dan mengaitkannya dengan topik yang dibincangkan. Selain itu, penggunaan templat inkuiri dalam portal *Student Learning Space* (SLS) juga dapat merangsang minat pelajar terhadap isu yang dibincangkan. Pelajar dapat mengakses maklumat dan menjana idea, mencari maklumat dan menyatakan pendapat dalam kumpulan. Strategi berfikir ini juga dapat membantu pelajar memberi penjelasan dan membuat kesimpulan dengan mengaitkan konteks perbualan dengan entiti yang berbeza-beza.



PERNYATAAN MASALAH

Secara umumnya, di peringkat Menengah 3, para pelajar aliran Ekspres diharapkan boleh mengujarkan idea dengan jelas dan berkesan, khususnya dalam menjawab soalan-soalan yang diutarakan sewaktu sesi perbualan dalam peperiksaan lisan. Namun yang demikian, pemerhatian awal guru menunjukkan bahawa para pelajar peringkat dan aliran ini masih belum ada keyakinan untuk mengujarkan respons mereka, khususnya untuk soalan aras tinggi, iaitu soalan 2 dan soalan 3 dalam ujian lisan. Pemerhatian guru menunjukkan bahawa respons para pelajar sangat rencam serta tidak begitu terarah dengan konteks tema yang cuba ditekankan dalam perbualan. Acap kali, respons pelajar juga sangat ringkas dan tertakluk kepada pengetahuan yang minimum atau asas sahaja.

Secara umumnya, ramai pelajar tidak gemar membaca dan hal ini menjadi antara sebab pelajar tidak dapat memberikan respons yang baik dalam perbualan lisan. Selain itu, pelajar juga didapati jarang mencabar diri mereka untuk berfikir di luar ruang keselesaan mereka.

Dalam menjalankan kajian ini, guru telah mengenal pasti kelemahan pelajar melalui ujian lisan yang dijalankan di sekolah. Tinjauan lanjut dilakukan untuk memahami dengan lebih mendalam masalah yang dihadapi oleh pelajar sewaktu menjawab soalan-soalan beraras tinggi. Pelajar didapati hanya memberi respons dan kaitan yang mudah-mudah saja semasa ditanya oleh pemeriksa. Mereka tidak dapat mengaitkan topik dengan entiti yang berbeza-bebeza seperti yang ditanya dalam soalan beraras tinggi. Pelajar juga tidak dapat mengenal pasti nilai atau pengajaran di sebalik sesebuah kejadian kecuali apabila diminta oleh guru untuk memikirkannya.

Sehubungan itu, timbul satu keperluan untuk menggalakkan para pelajar supaya berfikir di luar ruang keselesaan mereka. Dengan mendedahkan pelajar kepada topik atau tema yang berbeza-beza, diharapkan pelajar dapat melihat kaitan dan kesan sesebuah topik atau tema itu pada ranah individu, masyarakat bahkan negara juga. Pada masa yang sama, para guru bersependapat bahawa untuk melahirkan individu yang penuh empati, dalam setiap perbualan, para



pelajar perlu digalakkan mengetengahkan unsur nilai di sebalik konteks yang dibincangkan juga.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. meneliti keberkesanan strategi berfikir IMaN+N dan IHCR dalam membimbing pelajar menjana idea mengenai topik/tema; dan
2. meneliti sejauh mana penerapan IMaN+N dan IHCR mampu meningkatkan keupayaan pelajar melahirkan pendapat dan mengembangkan idea dalam perbualan.

KAJIAN LEPAS

M. Mojibur Rahman (2010), dalam kertas kajiannya menekankan bahawa kemahiran bertutur merupakan satu proses pengalihan fakta, pendapat, perasaan dan juga nilai. Beliau berpegang pada pendekatan latih tubi untuk mengasah penguasaan berbahasa dan mencapai pertuturan yang berkesan. Kemahiran bertutur tidak berbentuk pasif dan tidak berlaku dengan sendirinya. Kemahiran bertutur dapat ditingkatkan dengan melibatkan pelajar secara aktif dalam pertuturan. Menurut Mojibur Rahman, penguasaan kemahiran bertutur merupakan suatu proses yang memakan masa. Oleh itu, guru perlu menyediakan peluang-peluang untuk pelajar menguasai strategi bagi meningkatkan perbualan lisan mereka dari awal tahun lagi dan tidak menunggu untuk melatih pelajar hanya apabila pelajar mahu menduduki peperiksaan.

Fatin dan Siti Hamesah (2019) menjalankan kajian mengenai penggunaan strategi *PEEL* (Point, Evidence, Explanation, Link) dalam PdP untuk meningkatkan mutu pertuturan pelajar. Dapatan kajian menunjukkan beberapa kesan positif terhadap pembelajaran pelajar. Pelajar didapati lebih bersikap responsif dan menunjukkan kesungguhan semasa belajar. Ada juga antara pelajar yang mengambil sikap proaktif dan berkongsi idea serta pendapat secara spontan semasa aktiviti pembelajaran berlangsung. Jelas di sini bahawa pelajar perlu dibimbing dan diajar untuk menguasai strategi-strategi yang boleh digunakan untuk meningkatkan kemahiran lisan mereka.



Ada juga guru-guru yang telah memanfaatkan teknologi untuk mendidik dan meningkatkan kemahiran bertutur pelajar mereka. Najiyah Mohamed Said dan Mohamed Sha'ban Mohamed Rapiai (2020) telah menjalankan kajian menggunakan teknik 4PAi (Penceritaan, Penerangan, Pendapat, Pengalaman dan Aplikasi nilai) dan penggunaan aplikasi Mentimer. Dapatan kajian mencatatkan kemajuan dalam pencapaian kumpulan kajian bagi komponen perbualan dalam interaksi lisan. Sementara itu Noor Aini Jamin dan Sabariah Mohamed Samuni (2020) telah menggunakan aplikasi Nearpod untuk menggalakkan pelibatan aktif pelajar dalam pembelajaran lisan.

Pelajar perlu tahu menggunakan strategi yang berkesan untuk membantu mereka menjana, mengupas, menyusun, membuat kaitan dan menyampaikan idea secara lisan dengan baik. Dalam hal ini, pengkaji telah berbincang dengan rakan-rakan guru untuk memikirkan cara bagi membantu pelajar meningkatkan kemahiran perbualan dalam komponen lisan mereka. Para guru akur untuk mendedahkan pelajar kepada beberapa strategi yang memerlukan pelajar untuk berfikir dan juga menyusun serta mengembangkan idea dalam perbualan lisan mereka. Justeru, pengkaji telah menerapkan strategi IMaN+N dan IHCR dalam pembelajaran perbualan lisan untuk menyediakan pelajar dengan strategi yang boleh menggalakkan mereka berfikir untuk digunakan semasa perbualan lisan.

KAEDAH KAJIAN

Secara umumnya, pelajar sudah didedahkan kepada konsep IMaN+N (**I**ndividu, **M**asyarakat dan **N**egara + **N**ilai) dan dapat memahami konsep IMAN+N. Pelajar memahami bagaimana konsep ini boleh digunakan dan bila ia harus digunakan. Dengan penerapan IMaN+N yang diajarkan secara eksplisit di dalam kelas, pelajar dapat menjana idea tentang topik dan mengaitkannya dengan domain atau ranah yang berbeza-beza seperti individu, masyarakat, negara dan antarabangsa. Bagi menyokong penerapan konsep IMaN+N yang berkesan, guru menggabungkan aktiviti pembelajaran dengan penggunaan IHCR (**I**si, **H**uraian, **C**ontoh, **R**angkaian/Kaitan) dalam proses pembelajaran. Untuk pelajaran kitaran kedua, proses PdP memberi penekanan terhadap kemahiran menjalankan dekonstruksi bahan-bahan sedia ada di samping menggalak pelajar merekonstruksi respons mereka.



Secara kualitatif, pemerhatian guru terhadap respons pelajar sewaktu pengajaran dijalankan membentuk sebahagian besar penilaian ini.

Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada 25 orang pelajar Menengah 3 Ekspres dengan tahap praaras kebolehan dan pada aras kebolehan.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah templat Inkuiri dalam portal SLS dengan penggunaan gambar, video dan templat rutin berfikir (*interactive thinking tools*). Pengalaman pembelajaran (*Learning Experience*) menggunakan templat inkuiri ini dapat memberi peluang kepada pelajar untuk melalui setiap tahap dan proses dengan meneliti isu yang diketengahkan agar hasil pembelajaran tercapai. Ini juga dapat merangsang minat pelajar terhadap isu yang dibincangkan.

Selain itu, pelajar dapat mengakses maklumat dan menjana idea, mencari maklumat dan menyatakan pendapat dalam kumpulan. *Google slides* dimanfaatkan untuk membantu pelajar melengkapkan kerja berkumpulan ini. Bahagian yang mana pelajar digalakkan menggunakan pemikiran dan perbincangan dapat membantu pelajar memberi penjelasan dan membuat kesimpulan dengan mengaitkan informasi dengan entiti yang berbeza-beza. Bagi menilai sama ada pelajar telah memahami penerapan strategi IMaN+N, rubrik penilaian yang dihasilkan guru digunakan. Pelajar mengaplikasi pemahaman mereka dengan menonton video dan memberi respons terhadap 2 soalan dengan merakamkan respons mereka dalam portal SLS yang disediakan. Pelajar juga melakukan refleksi dengan menjawab tinjauan yang dijalankan dalam portal SLS.

Prosedur Kajian

Semasa perancangan dan pelaksanaan pelajaran, guru telah menerapkan pelbagai Aspek Pengajaran (AP) dan Aktiviti Mengajar (AM) yang disarankan



dalam Amalan Pengajaran Singapura atau STP. Justifikasi penerapan AP dan AM dijelaskan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Penerapan Aspek Pengajaran (AP) Dan Aktiviti Mengajar (AM) Serta Justifikasi

Proses Pengajaran	Aspek Pengajaran	Aktiviti Mengajar
Pelaksanaan Pelajaran	AP13: Mengaktifkan Pengetahuan Sedia Ada	<p>AM1: Fikir-Berpasangan-Berkongsi</p> <ul style="list-style-type: none"> • Guru menunjukkan gambar dan menayangkan klip video untuk mengaktifkan pengetahuan sedia ada pelajar tentang topik yang ingin dibincangkan. • Pelajar berbincang secara berpasangan dan memberikan respons menggunakan rutin berfikir Lihat -Fikir-Tanya (<i>See-Think-Wonder</i>) di portal SLS.
	AP20: Menggunakan Soalan untuk Memperdalam Pembelajaran	<p>AM2: Mengepam (<i>Pumping</i>)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Guru menggunakan soalan untuk memperdalam pembelajaran agar pelajar dapat menyuarakan pemikiran mereka. • Guru membantu pelajar membuat perancangan tentang topik yang kompleks. • Guru menggalakkan pelajar untuk memberi maklumat lanjutan tentang topik yang dibincangkan. • Guru memberi maklum balas tentang respons pelajar dan menggalakkan pelajar menghuraikannya.
	AP17: Memberikan Penerangan yang Jelas	<p>AM4: Model Pemikiran Lantang</p> <ul style="list-style-type: none"> • Secara berpasangan, guru meminta pelajar menyusun respons Pelajar A setelah memperdengarkan sampel klip video pelajar A. Pelajar memberi respons dengan menggunakan <i>google slides</i> di pautan yang disediakan guru. • Pelajar diminta membaca respons sampel pelajar B & C dan memperbaiki respons tersebut secara individu. Pelajar menulis respons di <i>Interactive Thinking Tool</i> dalam portal SLS. <p>(Topik: Pemeliharaan Alam Sekitar)</p>



Penilaian dan Maklum Balas	AP24: Menyediakan Tugas yang bermakna	AM3: Latihan untuk Menguasai <ul style="list-style-type: none"> • Pelajar menonton video dan merakamkan respons dalam portal SLS. (Topik: Denggi) • Pelajar memantau pembelajaran dengan melakukan tinjauan (poll) dalam portal SLS.
Penerangan dan Justifikasi	<ol style="list-style-type: none"> 1. Fikir-Berpasangan-Berkongsi digunakan untuk menggalakkan pemikiran yang lebih mendalam, berkongsi perspektif dan mengartikulasikan idea. Melalui perkongsian pelajar, guru boleh memahami pengetahuan awal pelajar dan kekeliruan yang mereka hadapi. 2. Model Pemikiran Lantang (<i>Model Thinking Aloud</i>) digunakan agar pelajar dapat menyuarakan secara jelas dan menggambarkan secara eksplisit pola pemikiran mereka dengan perancahan yang disediakan guru. Cara ini dapat membantu pelajar menangani kesukaran topik yang dibincangkan. 3. Guru menggunakan soalan untuk memperdalam pembelajaran menerusi AM Mengepam. Guru membantu pelajar menjana idea berdasarkan sebab dan pengetahuan sedia ada mereka semasa perbincangan topik lisan dijalankan di dalam kelas. Dengan rangkaian soalan, guru dapat membantu pelajar mengaplikasikan IMaN+N dengan meneroka dan mengembangkan idea dengan mengaitkan pengetahuan sedia ada dengan entiti yang diperkenalkan dalam IMaN+N. 4. Pada peringkat pemantauan pemahaman dan memberikan maklum balas, guru menyemak proses pembelajaran dengan menggunakan rubrik penilaian untuk memastikan pelajar boleh melakukan tugas yang diberikan. Penggunaan rubrik penilaian dapat memperkasakan pelajar untuk bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka dan pada masa yang sama merangsang mereka untuk berjaya. Dengan melakukan refleksi (<i>poll</i>) dalam portal SLS, pelajar yakin dapat menggunakan IHCR untuk membantu diri mereka mengembangkan entiti pilihan mereka dengan berkesan apabila menjawab soalan lisan. 	

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Melalui pemerhatian yang dilakukan, guru mendapati, terdapat sedikit peningkatan dari segi mutu respons yang pelajar berikan bagi tugas kitaran kedua jika dibandingkan dengan kitaran yang pertama. Dalam respons pelajar bagi kitaran yang kedua, pelajar kelihatan lebih berhati-hati dalam membina dan mengujarkan respons mereka. Lebih ramai pelajar yang berusaha untuk mengutarakan entiti pilihan mereka dalam respons masing-masing.

Dalam menilai respons pelajar, guru merujuk pada rubrik yang memberi penekanan terhadap tiga hal, iaitu:

1. Kejelasan dalam mengujarkan entiti pilihan
2. Penekanan terhadap contoh yang bersesuaian
3. Ketekalan dalam penerangan

Rubrik yang digunakan tidak mengambil kira kualiti bahasa yang digunakan pelajar kerana fokus PdP kali ini menjurus pada bahagian isi atau kandungan sahaja.

Jadual 2 dan Jadual 3 merakam markah yang diraih oleh pelajar bagi respons mereka bagi kedua-dua kitaran pertama dan kitaran kedua. Melalui jadual-jadual ini, dapat dikenal pasti bahawa walaupun terdapat sedikit peningkatan dari segi markah sekali gus mutu respons pelajar, secara khususnya, ramai pelajar masih tergolong dalam julat sederhana hingga sangat baik. Tidak ramai pelajar yang dapat memberikan respons yang boleh dinilai sebagai cemerlang.

Jadual 2: Markah Bagi Kitaran Pertama dan Kedua

Pelajar	Markah Kitaran Pertama		Markah Kitaran Kedua	
	Soalan 1	Soalan 2	Soalan 1	Soalan 2
A	5m	6m	6m	5m
B	6m	6m	7m	6m
C	4m	5m	4m	4m
D	7m	8m	6m	6m
E	4m	5m	8m	6m
F	7m	5m	7m	6m
G	6m	6m	6m	6m
H	8m	6m	7m	6m
I	4m	5m	3m	5m
J	5m	6m	6m	6m
K	4m	3m	3m	3m
L	4m	5m	3m	3m
M	8m	8m	9m	9m
N	4m	2m	5m	2m




O	6m	3m	7m	3m
P	4m	5m	6m	5m
Q	4m	7m	7m	8m
R	5m	4m	5m	4m
S	7m	6m	8m	8m
T	7m	8m	7m	8m
U	6m	5m	5m	5m
V	6m	7m	7m	8m
W	7m	8m	8m	8m
X	6m	7m	6m	7m
Y	7m	4m	7m	4m

Rajah 2 pula merakam perbandingan markah bagi soalan 1 dan soalan 2 bagi kedua-dua pelajaran kitaran pertama dan kitaran kedua. Harus ditekankan bahawa bentuk soalan bagi kedua-dua kitaran ini dikekalkan, hanya tema yang diangkat dalam kedua-dua kitaran berubah. Justeru, melihat pada perbandingan ini, pelajar dapat memberikan respons yang lebih baik bagi soalan 1 berbanding dengan soalan 2. Bagi soalan 1, 11 orang pelajar menunjukkan peningkatan markah sementara 6 pelajar lain tidak menunjukkan sebarang perubahan. Namun begitu, terdapat 8 orang pelajar yang markah mereka menjunam apabila menjawab soalan 1 pada kitaran yang kedua.

Respons bagi soalan 2 dalam kitaran kedua pula agak membimbangkan. Ini kerana 15 orang, tidak mampu memberikan respons yang lebih baik dari sudut mutu dan 4 orang pelajar pula mendapat markah yang lebih rendah pada kitaran kedua berbanding kitaran pertama. Ini mencerminkan bahawa IMan+N mungkin belum ada kesan yang sangat jelas bagi membantu pelajar mengembangkan respons mereka bagi soalan aras tinggi. Rajah 1 memaparkan perbezaan markah pelajar bagi Kitaran 1 dan Kitaran 2.

Rajah 1: Perbezaan Markah (Kitaran 2 – Kitaran 1)



Jadual 3 dan 4 pula merakam respons pelajar yang cemerlang bagi soalan 1 dan soalan 2 bagi Kitaran 2 pembelajaran. Respons para pelajar ini dianggap cemerlang kerana mereka menggunakan istilah-istilah yang jelas seperti ‘orang ramai’, ‘ahli keluarga’, ‘jiran tetangga’ dan ‘penduduk’ untuk merujuk pada domain masyarakat serta istilah-istilah seperti ‘mangsa’ dan ‘setiap orang’ untuk merujuk pada domain individu. Respons-respons ini mencerminkan bahawa pelajar-pelajar ini sudah jelas akan perlunya mencungkil entiti-entiti tertentu secara jelas dalam respons mereka. Sementara itu, ini juga menunjukkan kebijaksanaan para pelajar ini untuk menggunakan contoh-contoh yang bersesuaian sewaktu mengupas soalan yang diajukan guru.

Jadual 3: Contoh 1 Respons Pelajar Cemerlang Bagi Soalan 1 (Kitaran 2)

<p>Soalan 1</p> <p>Mengapakah usaha untuk mencegah penularan penyakit seperti denggi penting? Jelaskan.</p>	<p>Penularan penyakit boleh menjejaskan ramai orang dalam masyarakat. Salah satu efek denggi ialah demam yang panas yang boleh menjadikan badan terus terkejut. Dengan ini, banyak mangsa yang menghidapi penyakit denggi boleh berakhir dengan maut. Satu lagi contoh, jika ada sebarang penyakit berjangkit di sebuah kawasan kejiranan, orang ramai boleh berjangkit secara bergilir-gilir. Kesudahannya, penyakit ini boleh tersebar di seluruh kawasan kejiranan itu. Pasti, melihat seluruh penduduk kejiranan terlanjar sakit bukanlah satu senario yang ideal. Dengan ini, kita harus berusaha mencegah penularan supaya tidak akan menjejaskan orang ramai.</p>
---	---



Jadual 4: Contoh 2 Respons Pelajar Cemerlang Bagi Soalan 2 (Kitaran 2)

<p>Soalan 2</p> <p>Usaha mengawal penularan penyakit di Singapura menjadi lebih mudah kerana saiznya yang kecil. Berikan komen kamu.</p>	<p>Saya tidak bersetuju bahawa usaha mengawal penularan penyakit di Singapura menjadi lebih mudah kerana saiznya yang kecil. Ini kerana, jika kita hanya ada usaha yang kecil untuk mengawal penularan penyakit di Singapura, penyakit akan merebak dengan lebih pantas. Dengan itu, kita semua, setiap orang, harus berusaha dan memainkan peranan masing-masing. Contoh yang kita boleh buat ialah tingkatkan kesedaran orang-orang di sekitar kita. Kita boleh bermula dengan ahli keluarga dan jiran tetangga. Dengan itu, lebih ramai orang akan tahu bagaimana untuk melawan penularan penyakit di Singapura.</p>
--	---

Dua contoh hasil kerja pelajar di atas menunjukkan potensi bagi pelajar untuk mengupas isi yang disampaikan dengan mengambil kira konsep IMaN+N semasa memberikan pendapat dalam perbualan lisan. Isu berkaitan individu, keluarga dan masyarakat dan nilai mampu diserlahkan oleh pelajar semasa perbualan. Namun, secara keseluruhannya, masih ramai pelajar belum mampu menerapkan konsep IMaN+N dengan baik.

Walaupun begitu, penggunaan **IHCR** (Isi, Huraian, Contoh/Rangkaian) mampu dilaksanakan dengan baik oleh pelajar. Guru mendapati bahawa pelajar memahami dan jelas akan cara untuk menggunakannya dalam proses penyusunan dan penyampaian idea mereka. Hal ini dapat dilihat dalam hasil kerja pelajar secara berkumpulan. Jadual 5 dan 6 menunjukkan bagaimana dua kumpulan pelajar menyusun idea mereka berdasarkan strategi **IHCR**.

Jadual 5: Hasil Kerja Pelajar Kumpulan C Menerapkan IHCR

Isi Utama	Pada pendapat saya, kalau persekitaran kita tidak hijau dan bersih ia boleh mengancam kehidupan manusia .
Huraian	Kesihatan manusia dalam persekitaran yang tidak hijau akan terjejas kerana manusia akan bernafas udara yang kotor . Ini menyebabkan paru-paru manusia untuk mengumpul udara yang tidak sihat . Ia boleh menjejaskan kesihatan dan kehidupan manusia. Oleh itu, manusia tidak akan rasa selesa dan biasa dalam persekitaran seperti itu.
Contoh	Pada tahun 2019, India dinilai sebagai negara dengan udara yang paling kotor. Ini disebabkan ada banyak kenderaan yang tidak mesra ekonomi. Oleh itu, 1.3 bilion orang terjatuh sakit kerana udaranya terlalu kotor.
Rangkaian / Kaitan	Kesimpulannya, kesihatan dan kehidupan manusia akan terjejas jika kita tidak bertanggungjawab kerana kita memerlukan udara yang bersih untuk bernafas.

C

Jadual 6: Hasil Kerja Pelajar Kumpulan H Menerapkan IHCR

Isi Utama	Pada pendapat saya, kalau persekitaran kita tidak bersih dan penuh kehijauan amat berbahaya lebih-lebih lagi kepada para individu kerana ia akan menjejaskan kesihatan mereka
Huraian	Kesihatan manusia dalam alam sekitar yang kotor akan terjejas kerana manusia akan bernafas udara yang kotor. Ini menyebabkan paru-paru manusia untuk mengumpul udara yang tidak sihat. Dengan peningkatan jumlah sampah yang akan terumpul jika tidak dibuang dengan betul lama lama pelbagai bakteria dan kotoran akan merebak dan
Contoh	Sebagai contoh, seorang individu memerlukan persekitaran yang luas dan bersih. Tumbuhan seperti pokok sangat diperlukan untuk bernafas kerana oksigen yang didapati pokok membantu manusia terus hidup dengan nyaman
Rangkaian / Kaitan	Oleh itu persekitaran yang bersih dan penuh hijau amat penting bagi pertumbuhan manusia dalam kehidupan agar dapat membesar dengan sekeliling yang sesuai supaya tidak cepat jatuh sakit.

H

Bagi membantu guru memahami tahap kesediaan pelajar menerapkan IMaN+N dan IHCR dalam respons perbualan mereka, pelajar diminta melengkapkan tinjauan berdasarkan empat pernyataan. Empat pernyataan ini sebenarnya merupakan maklum balas terhadap pembelajaran yang dilalui oleh pelajar. Sila rujuk Jadual 7.




Jadual 7: Pernyataan Bagi Maklum Balas Pelajar

Soalan	Item
1	Saya faham pelajaran ini.
2	Saya tahu bila untuk menggunakan IMaN+N dalam perbualan.
3	Saya tahu bagaimana untuk menggunakan IMaN+N dalam perbualan.
4	Saya yakin menggunakan IHCR untuk mengembang respons saya.

Secara umumnya, pelajar memberikan respons yang positif terhadap keempat-empat pernyataan ini. Namun begitu, masih ada sekumpulan kecil pelajar yang jujur dalam berkongsi bahawa mereka masih belum faham tentang konsep IMaN+N dan bagaimana menggunakannya. Sila rujuk Rajah 3.

Rajah 2: Maklum Balas Pelajar



Dapatan ini memberi cerminan kepada guru bahawa proses pendedahan terhadap IMaN+N ini tidak seharusnya berhenti setakat di kitaran yang kedua. Bahkan, usaha perlu diperluas lagi pada tahun 2021, untuk membolehkan pelajar selesa menerapkan IMaN+N ini dalam respons mereka. Dalam hal ini, usaha perlu dilakukan untuk menerapkan dan menggabungkan secara eksplisit penggunaan strategi IHCR dan IMaN+N dalam proses pembelajaran bagi menyokong dan meningkatkan keupayaan pelajar untuk menjana, menyusun dan menyampaikan idea yang bernas dan luas dalam perbualan lisan mereka.

KESIMPULAN

Tidak dinafikan, bagi membantu pelajar mengaplikasikan IMaN+N dan IHCR dengan berkesan, pendekatan ini perlu digunakan dengan kerap bagi membiasakan pelajar memahaminya. Sehubungan itu, pelajar juga perlu diberi pendedahan kepada topik-topik perbualan lisan yang berbeza agar dapat mengaplikasikan IMaN+N dengan selesa dalam perbualan lisan.

Pada masa yang sama, para guru juga akui terdapat faktor-faktor lain yang mempengaruhi respons dan kesediaan pelajar untuk menjawab soalan-soalan perbualan dengan cemerlang dalam setiap ujian atau peperiksaan lisan yang berbeza. Sebagai contoh, faktor pengetahuan pelajar mengenai topik perbualan, faktor penguasaan kosa kata pelajar, faktor tahap keyakinan diri pelajar serta faktor tahap kesediaan pelajar mampu mempengaruhi mutu respons perbualan lisan seseorang pelajar itu. Kesimpulannya, bagi memastikan pelajar dapat menggunakan strategi berfikir ini secara efektif, guru harus memberikan lebih banyak peluang kepada pelajar menggunakan pengetahuan yang dipelajari dalam proses pembelajaran mereka.

Guru yang turut terlibat dalam kajian:

1. Siti Sapiya Mohamad Sumri

RUJUKAN

- CPDD (2019). The Singapore Teaching Practice (STP). The STP-TIES Professional Development Package on Classroom Management & Instructional Strategies.
- Fathin Atikah Masud dan Siti Hamesiah Samsudin (2019). Seminar Bahasa Melayu 2019. Amalan Pengajaran Bahasa Melayu Singapura, 'Integrasi strategi NAH dan PEEL dalam membina kemahiran interaksi lisan'. Diterbitkan oleh Pusat Bahasa Melayu Singapura.
- Fisher, D., Frey, N., and Lapp, D. (2011). Coaching middle-level teachers to think aloud improves comprehension instruction and student reading achievement. *Teacher Educator*, 46(3), 231-243



Najiyah Mohamed Said dan Mohamed Sha'ban Mohamed Rapii (2020). Seminar Bahasa Melayu 2020. Memanfaatkan Teknologi, Meningkatkan Pembelajaran. 'Penggunaan Aplikasi Mentimeter Untuk Meningkatkan Pembelajaran Interaksi lisan'. Diterbitkan oleh Pusat Bahasa Melayu Singapura, Akademi Guru Singapura, Kementerian Pendidikan Singapura.

Noor Aini Jamin dan Sabariah Mohamed Samuni (2020). Seminar Bahasa Melayu 2020. Memanfaatkan Teknologi, Meningkatkan Pembelajaran. 'Penggunaan Aplikasi Nearpod Dalam Meningkatkan Interaksi Lisan'. Diterbitkan oleh Pusat Bahasa Melayu Singapura, Akademi Guru Singapura, Kementerian Pendidikan Singapura.

Ron Ritchhart, Mark Church, Karin Morrison (2011). Making Thinking Visible. San Francisco: Jossey-Bass.

